

中国古代 诸子经典 与现代 管理

叶新田博士 翻译与撰著

oleh:

Dr. Yap Sin Tian

(DBA, Southern Cross University, Australia)

Siri Kitab Klasik Cina
& Pengurusan Wooden

中国古代 诸子经典 与 现代管理

Siri Kitab Klasik Cina &
Pengurusan Modern

江苏工业学院图书馆

藏书章

叶新田博士翻译与撰著

oleh:

Dr. Yap Sin Tian
(DBA, Southern Cross University, Australia)

中国
古代
诸子
经典
与
现代
管理

作 者: 叶新田博士

封面设计: 王毅勇

责任编辑: 张笑凯

出 版: 叶氏企管公司

12A, Jalan 1/130B, Tiara Villa, United Garden,
Off Jalan Kelang Lama, 58200 Kuala Lumpur.
Tel: 03-62743225 Fax: 03-62749539

印 刷: 永联印务有限公司

56, 1st Floor, Jalan Radin Anum 1,
Bandar Baru Seri Petaling,
57000 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-90586162 Fax: 03-90582050

再版日期: 2006年3月31日

定 价: 马币RM 50元

版权所有 翻印必究

本华巫翻译丛书与研究论著系列之出版，为了：

纪念马中建交30周年

促进华巫文化交流

宏扬中国古代管理思想与现代社会管理之结合

建立亚洲管理新模式

Terbitan siri kitab dwi-bahasa dan kajian pengurusan ini adalah untuk:

- Mengingati 30 perhubungan diplomatik Malaysia dan China.
- Memajukan pertukaran kebudayaan Melayu Cina
- Mengembangkan penggemblengan fikiran pengurusan klasik Cina dengan pengurusan moden
- Terbinanya model baru pengurusan Asia

出版前言

叶新田

中国诸子的经典著作如儒家的《四书》，老子的《道德经》及孙武的《孙子兵法》，千百年来不仅脍炙人口，且影响深远。今天，由于世界文化交流的日益频繁，这些具有高度哲学思想的经典著作，对世界各国人民也起着深刻的影响。

中华文化与马来西亚关系源远流长，它与马来文化也有密切关系。上述经典著作，自从翻译为马来文面世以来，深受读者欢迎。因此今天编为系列，集为专辑，以促进马中文化的交流。

另一方面，今天企业界也强调东西方管理思想的结合，所以也将一部分应用和管理方面的研究收集在这本译著里。

收集这本译著系列里的作品，包括《大学》、《中庸》的中文（原文及白话文）及马来文翻译，《道德经》、《孙子兵法》及《孔子的管理思想与现代经营》的中文与马来文，此外还加上《道家的领导策略管理》、《易经与现代管理》及《孙子的战略思想与现代管理》的中文研究也收集在这本系列里。

对于中国古代经典著作，我们一贯强调古为今用，活学活用，推陈出新。这本译著系列，不仅要促进华巫文化的交流，也要在中国古代管理与西方管理思想结合方面作出一些具体实践。

希望此译著系列的出版，给读者带来一定的参考价值。

今年，适逢马中建交30周年，谨以此纪念这个有意义的日子，也希望藉此促进马中文化交流，宏扬古代诸子的光辉哲学思想与 modern 管理之结合，建立新的企业文化与管理模式。

Sekuntum Bunga untuk Kebun budaya dan Pengurusan Moden

Kitab klasik Cina ia-itu *Kitab Confucianisme*, *Kitab Taoisme* dan *Seni Ketenteraan*, memang memberi pengaruh besar sejak dulu sampai kini. Pada hari ini kitab-kitab tersebut tidak sahaja memberi pengaruh yang besar kepada bangsa Cina malah memberi pengaruh dan meninggalkan kesan yang mendalam juga kepada tamadun dunia.

Tamadun Cina selama ini memang berhubung erat dengan Malaysia. Oleh itu ia juga berhubung erat dengan budaya Melayu. Apabila kitab-kitab tersebut diterjemahkan dan diterbitkan di Malaysia, ia disambutkan baik oleh pembaca. Kini ia digabungkan dan disatukan dalam satu buku dengan kajian pengurusan moden untuk dimanfaatkan oleh budaya Cina dan Melayu.

Pada hari ini gabungan falsafah pengurusan Timur dengan sistem saintifik pengurusan moden Barat sangat penting. Kajian gabungan keduanya dan penggunaannya dalam korporat moden yang dimasukkan ke dalam buku ini adalah sesuatu yang amat relevan.

Kitab penting yang disusun dalam buku ini termasuklah *Pelajaran Agung* dan *Prinsip Kesederhanaan*, salah dua kitab dari Konfucionisme, *Kitab Falsafah Taoisme* oleh Lao Zi, *Seni Ketenteraan* oleh Sun Zi. Buku ini mengandungi bukan sahaja kitab asli dalam Mandarin, terjemahan Bahasa Malayu bahkan juga kajian penggunaan fikiran tersebut dalam pengurusan moden. Ini misalnya fikiran Konfusius dan pengurusan korporat moden, pimpinan strategik Taoisme, fikiran strategik Sun Zi dan pengurusan Moden, serta I-Ching dan pengurusan moden.

Kami menitikberatkan penggunaan kitab kuno dengan methodologik moden. Namun kegunaannya harus *flexible* dengan kajian kreatif dan baru. Buku ini bukan sahaja bertujuan memajukan komunikasi budaya Tionghua dan budaya Melayu, malah bertujuan memberi sedikit sumbangan dalam gabungan fikiran pengurusan Cina dengan pengurusan moden Barat.

Tahun ini mencatatkan sejarah perhubungan diplomatik 30 tahun China Malaysia. Kami mengingati hari bersejarah ini dengan sekuntum bunga untuk memajukan budaya Tionghua dan Melayu serta mengembangkan gabungan fikiran kitab zaman dahulu dengan pengurusan moden Barat. Diharapkan sumbangan ini nanti dapat melahirkan model pengurusan baru dan budaya korporat yang baru.

DR. YAP SIN TIAN

序

郭全强

马来西亚华校董事联合会总会主席

春秋战国时代百家争鸣所流传下来的经典，不但是中国的而且也是世界的文化瑰宝，是属于全人类的精神财富。人们倘能打开这座浩瀚如海的宝藏之门，其眼界因而为之开阔，学识因而为之渊博，思想因而为之深邃，智慧因而为之横溢。当然，这一切的一切，全在于如何善加挖掘，披沙拣金，千锤百炼，为我所用。

学贯古今，精通三语，能诗能文能译的叶新田博士，八、九十年代巫译了《孙子兵法》、《道德经》、《大学》、《中庸》。拥有企管专业的叶博士，将孙子的战略思想、老子的管理思想与战略领导、儒家的管理思想及模式、《易经》的管理模式，同现代管理结合起来论述，对经典的研究可谓独辟蹊径。

马来谚语“椰壳下之蛙”(Katak di bawah tempurung)，讥人孤陋寡闻，竟与中国寓言“井底之蛙”(《庄子·秋水》)之意同。马来格言“知识即心灯”(Ilmu itu pelita hati)，训谕人追求高深学问，其益无穷。我想，叶博士把上述经典及研究成果介绍给友族，尤其是马来文教界，无疑是献给他们另一盏照向知识之海的明灯。

2004年3月30日

Memperkayakan Bahasa Melayu

Pertama-tamanya saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Dr. Yap Sin Tian yang memberi peluang kepada saya memberi sedikit pengantar kepada satu usaha penting yang dilakukannya demi memperkayakan khazanah ilmu pengetahuan dalam bahasa Melayu.

Menterjemahkan sebuah teks yang menjadi sebuah maha karya daripada satu budaya yang mempunyai sejarahnya yang lama dan panjang iaitu bahasa Tionghua ke bahasa Melayu yang telah dilakukan oleh Dr Yap Sin Tian bukanlah satu usaha yang mudah, tambah lagi maha karya yang diterjemahkan itu asalnya daripada bahasa Tionghua klasik. Teks ini sebenarnya bukan dapat dilakukan oleh sebarang orang. Namun Dr Yap Sin Tian yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dan mendalam dalam kedua budaya – Melayu dan Tionghua - itu mampu menterjemahkan dengan baik bukan hanya satu teks klasik malahan sejumlah empat buah teks klasik yang menjadi maha karya daripada satu budaya penting dunia diterjemahkannya dengan jayanya ke dalam bahasa Melayu.

Seni Ketenteraan oleh Sun Zi, *Kitab Falsafah dan Moral Taoisme* oleh Lao Zi, *Kitab Klasik Confucianisme* (Pelajaran Agung dan Prinsip Kesederhanaan) oleh Confucius adalah empat teks klasik dan maha karya daripada perbendaharaan Cina yang amat penting dan mempunyai pengaruhnya yang luar biasa tidak sahaja di negara China tetapi juga di seluruh dunia. Kitab-kitab tersebut sebenarnya telah lama diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa penting dunia dan dipelajari oleh sekian ramai pelajar dalam pelbagai bidang kehidupan. Kesan dan pengaruhnya secara langsung mahupun tidak langsung telah meninggalkan impaknya yang tersendiri.

Saya kira penerbitan kitab-kitab penting ini dalam bahasa Melayu mempunyai kesannya yang amat besar tidak sahaja kepada rakyat Malaysia khususnya tetapi juga rumpun Melayu di rantau Kepulauan Melayu atau juga disebutkan sebagai *Malay Archipelago* ini.

Penterjemahan ini pada hakikatnya membuka ruang baru dalam perhubungan mahupun pertembungan budaya antara China dan Malaysia sekaligus antara Tionghua dan Melayu. Pengaruh fikiran Confucious yang menjadi unsur utama dalam minda Cina telah melalui usia yang lama, sama lamanya dengan kewujudan hubungan antara dua budaya itu yang dapat disusurgalurkan dengan jelas semenjak berabad yang lalu.

Apabila teks ini terbit dalam bahasa Melayu dengan sendirinya ia menjadi khazanah penting bangsa yang sedang menuju puncak kecemerlangan ini, juga memberikan sahamnya yang bermakna dan tersendiri dalam pembinaan tamadun bangsa Melayu sekaligus memberi sumbangan yang tidak kurang pentingnya kepada tamadun dunia.

Terjemahan ini tepat pada masanya sewaktu bangsa Melayu sedang menuju ke puncak kecemerlangannya dalam pelbagai bidang kehidupan yang dengan sendirinya akan ikut sama berkembang adalah bahasa Melayu, bahasa yang bukan sahaja digunakan oleh bangsa itu, malah yang tercatat dalam Perlembagaan Malaysia sebagai bahasa rasminya.

Kecemerlangan yang sedang dicapai oleh Malaysia akan dengan sendirinya membawa bahasa itu nanti menjadi salah sebuah bahasa penting dunia.

Penerbitan teks-teks maha karya ini dalam dua bahasa iaitu Melayu, dan Mandarin tidak sahaja membuka ruang yang lebih luas untuk menemui khalayaknya yang lebih besar tetapi juga memperlihatkan nilai keilmuan dan sifat keilmiahan yang membayangkan kesungguhan penterjemahnya.

Selain teks-teks klasik yang begitu berat dan menterjemahnya melalui pelbagai halangan

itu dimuatkan juga dalam buku ini sebuah terjemahan Dr Yap Sin Tian yang secara panjang lebar dan terperinci membincangkan tentang fikiran Confucius dan kedudukannya yang amat relevan bagi kejayaan sesuatu pengurusan perusahaan moden. Teks ini adalah sebuah teks terjemahan yang telah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan penterjemahan fikiran Confucius anjuran Dewan Perniagaan Cina Selangor dan Wilayah Persekutuan dengan Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia pada tahun 1991. Teks ini tidak kurang pentingnya berbanding dengan teks-teks klasik sebelumnya kerana ia membincangkan tentang fikiran Confucius dan bagaimana fikiran tokoh penting itu dapat digunakan dalam pengurusan dan perusahaan moden. Selain itu teks ini juga dalam banyak aspek menghurai dengan agak terperinci fikiran Confucius dan bagaimana fikiran itu dapat digunakan untuk manfaat manusia.

Selain ucapan tahniah dan syabas kepada Dr Yap Sin Tian kerana usahanya yang penting ini kita mengharapkan banyak lagi karya agung dari China, yang klasik mahupun yang moden diterjemahkan oleh beliau. Sikap positif yang ditunjukkan oleh Dr. Yap Sin Tian memasukkan sumbangan yang amat penting dalam memperkayakan input keilmuan bahasa Melayu adalah satu contoh yang tidak ada tolok bandingnya.

Datuk A. Aziz Deraman

Ketua Pengarah

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kuala Lumpur

Yang Menyelamatkan Kemanusiaan daripada Kehancuran

Pada tahun 1992, sewaktu Dr. Yap Sin Tian ingin menerbitkan terjemahan *Kitab Falsafah dan Moral Taoisme*, tulisan Lao Zi, saya telah diminta oleh Dr Yap membuat sedikit pengantar kepada penerbitan kitab tersebut. Kini setelah dua belas tahun kemudian, sekali lagi saya diminta oleh Dr Yap untuk membuat pengantar kepada terjemahannya dan kali ini bukan lagi hanya satu karya Lao Zi dengan judul sebagaimana disebutkan sebaliknya satu penerbitan yang mengandungi empat buah naskhah klasik Cina yang amat penting. Naskhah-naskhah tersebut ialah *Seni Ketenteraan* oleh Sun Zi, *Kitab Falsafah dan Moral Taoisme* oleh Lao Zi dan *Kitab Klasik Confucianisme* yang di dalamnya mengandungi dua teks penting iaitu *Pelajaran Agung* dan *Prinsip Kesederhanaan* yang ditulis oleh Konfusius atau Kong Qiu. Juga sebuah terjemahan tentang pemikiran Konfusius dengan judul *Fikiran Konfusius dan Pengurusan Perusahaan Moden*.

Sebenarnya *Seni Ketenteraan* oleh Sun Zi telah terbit pada tahun 1986 sementara *Pelajaran Agung* dan *Prinsip Kesederhanaan* oleh Konfusius cetakan pertamanya dalam bahasa Melayu terjemahan Dr. Yap Sin Tian telah terbit pada tahun 1994. Begitu juga *Kitab Falsafah dan Moral Taoisme* dan *Fikiran Konfusius dan Pengurusan Perusahaan Moden*.

Oleh kerana memikirkan pentingnya buku-buku ini, Dr Yap Sin Tian akan menerbitkannya semula secara serentak semua teks yang disebutkan dalam satu buku dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris. Penerbitan dalam satu buku teks-

teks yang disebutkan itu tentulah memberi makna yang besar kepada pembaca kerana penerbitan ini tidak sahaja memperkayakan khazanah ilmu pengetahuan dalam bahasa Melayu, dalam waktu yang sama bagi pembaca yang memahami ketiga-tiga bahasa itu dapat membandingkan ketepatan terjemahan oleh Dr. Yap.

Selain itu gabungan teks-teks maha karya ini penting dengan yang demikian memudahkan pembaca mengikuti hampir semua aspek kehidupan yang dibincangkan dalam teks-teks itu sama ada ia berupa falsafah hidup harian yang dapat ditemukan dalam *Pelajaran Agung* dan *Prinsip Kesederhanaan* mahupun teks mengenai perang dalam *Seni Ketenteraan* oleh Sun Zi dan bagi yang berminat dalam bidang ekonomi, teks dan huraianannya dalam *Fikiran Confusius dan Pengurusan Perusahaan Modern* amat berguna.

Tidak kurang pentingnya ialah *Kitab Falsafah dan Moral Taoisme* oleh Lao Zi. Mengikuti ajaran-ajaran Lao Zi dan Konfucius yang disatukan dalam buku ini amat penting tidak sahaja dalam konteks pembentukan moral semua generasi, dalam waktu yang sama juga mengajar setiap manusia bahawa dalam perang, sebagaimana yang dibincangkan oleh Sun Zi dalam *Seni Ketenteraan* mahupun dalam bidang kehidupan ekonomi dan perdagangan aspek moral adalah aspek yang amat penting.

Memandangkan bahawa semua kitab ini seharusnya dibaca secara serentak, maka penerbitannya dalam satu buku adalah satu langkah yang amat bijaksana yang dilakukan oleh Dr Yap Sin Tian, seorang penulis, penterjemah, ahli akademik dan usahawan yang banyak pengalaman.

Terjemahan ini juga bukan saja penting kerana memberi masukan baru kepada khazanah keilmuan dalam bahasa Melayu malahan dalam hubungan politik antara Tionghua dan Melayu, terjemahan ini memberi ruang dan peluang yang luas untuk pemahaman budaya dan cara hidup bagi tujuan dan manfaat perpaduan satu bangsa dan negara Malaysia. Ia tidak sahaja

memberi pengajaran moral kepada orang biasa, malahan dalam perang dan dalam bidang perniagaan pun ada prinsip-prinsip moral tertentu yang mesti diikuti untuk mencapai kejayaan.

Sesungguhnya teks-teks yang terkandung dalam buku ini amat penting lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan kini yang meletakkan semua aspek kehidupan dalam persaingan yang amat mengerikan. Hanya moral dan sikap yang sederhana sahaja yang dapat menyelamatkan kemanusiaan daripada kehancuran oleh serangan globalisasi.

Sasterawan Negara Prof. Dr. Syed Othman Syed Omar
Bangi, Selangor.

Sekapur Sirih

Saya sungguh tertarik hati tentang buku yang bertajuk “Siri Kitab Klasik Cina dan Pengurusan Moden” karya Dr. Yap Sin Tian. Buku tersebut dipaparkan dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Cina yang membicarakan tentang falsafah klasik Cina yang dihubungkan dengan system pengurusan moden. Sempena dengan perayaan hubungan diplomatik Malaysia-China ke-30, buku yang membawa manik-manik pemikiran falsafah Cina yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu nescayanya akan menyuburkan khazanah dunia Malaysia.

Saya menganggap buku ini mempunyai tiga keistimewaan yang unik. Pertama, ia dipaparkan dalam dwibahasa. Kedua, falsafah klasik yang dibicarakan melintasi dua zaman yang berlainan. Yang ketiga, melipatkan dua negara, iaitu Malaysia dan China. Jenis buku yang menghuraikan tentang masalah falsafah Cina dan Malaysia boleh dikatakan tidak banyak terdapat dalam pasaran, apatah lagi yang diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Seperti pepatah Melayu yang berbunyi, “Jauhari juga yang mengenai manikam.” Hanyalah pembaca-pembaca yang berkenaan dapatlah menilai buku ini.

Sebagai seorang presiden Persatuan Penterjemahan dan Penulisan kreatif Malaysia (Prespektif). Saya mengalu-alukan usaha yang dibuat oleh ahli persatuan Dr. Yap kerana beliau meneroka suatu bidang baru yang tidak banyak orang mencubanya. Karya terjemahan yang menghubungkan tentang falsafah klasik Cina sangatlah diperlukan oleh masyarakat Malaysia tempatan, kerana ia akan memperkukuhkan lagi persefahaman dan mengeratkan lagi hubungan perpaduan yang jitu.

Sempena dengan perayaan ulang tahun Malaysia-China ke-30, saya berharap buku ini dapat menduduki tempat yang sewajarnya dalam sejarah perkembangan kebudayaan tanahair kita.

GOH HIN SAN

Pengerusi Prespektif

序

吴恒灿

马来西亚翻译与创作协会会长

由叶新田博士翻译与撰著的《中国古代诸子经典与现代管理》，是以中文与马来文双语呈献给读者的一本联串古代与现代及跨越马中两国难得的书。趁着马中两国建交30周年庆典时刻出版，象征着中国千百年来的优秀伦理思想传统的种子，可以通过翻译或马来文的途径，在马来西亚土壤上开花结果。

我形容这本书拥有三个特殊的意义。第一、它以双语呈现；第二、涉及古今两个层面的思想经典文献与现代管理；第三、跨越马中两国，将中国古代的学说结合现代管理来探索的书籍原本已不多，因其所涉及的难度较大，再将此结合的研究以双语，特别是马来文来呈现的，那可说是少之又少、难之又难的了。身为大会译创会会长的我，对本会会员叶新田博士开拓新纪元之举，必定给予大力的支援，我们需要更多此类的平台，让马来民族更深一层了解中国优秀的文化，以加强民族的真诚团结。

趁着马中建交30周年纪念而出版的这本书，肯定能为马中文化交流写下历史的痕迹。

目 录

出版前言

叶新田

序

董总主席 郭全强

Memperkayakan Bahasa Melayu 语文出版局局长 **Aziz Deraman**
Yang Menyelamatkan Kemanusiaan daripada Kehancuran

国家文学奖得奖人 **Prof. Dr. Syed Othman Syed Omar**

Sekapur Sirih (序)

大马译创会会长 吴恒灿

第一篇 大学 Pelajaran Agung 1

第一章 原文 2

第二章 白话文译本 6

第三章 **Pelajaran Agung** 12

第二篇 中庸 Prinsip Kesederhanaan 39

第一章 原文 40

第二章 白话文译本 47

第三章 **Prinsip Kesederhanaan** 55

第三篇 孔子的管理思想与现代经营 79

第一章 问题的提出 80

第二章 重视人的思想因素是孔子管理思想的特点 83

第三章 对人的管理主要靠教育手段 88

第四章 管理工作的成败在领导 91

第五章 着眼于长期战略转移目标反对急功近利 95

第六章 以科学态度对待孔子管理思想的历史遗产 96